



09 APR, 2025

Bekalan elektrik, Internet pulih Jumaat

Harian Metro, Malaysia



Bekalan elektrik, Internet pulih Jumaat

Subang Jaya: Bekalan elektrik dan Internet di kawasan kediaman yang terjejas akibat kebakaran dan letusan saluran gas di Putra Heights, di sini, dijangka pulih sepenuhnya, Jumaat ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Pertanian negeri Datuk Ir Izham Hashim berkata, kerja penyelarasan pemulihian bekalan elektrik dan Internet sedang dilaksanakan oleh pihak berkaitan.

Menurutnya, Tenaga Nasional Berhad sedang memulihkan bekalan elektrik di semua kediaman terjejas termasuk kampung dan suis utama akan dicabut se-

hingga pemilik rumah datang untuk membuat pemeriksaan.

“Cuma tinggal sedikit lagi kediaman yang belum dipulihkan bekalan elektrik kerana pemilik rumah belum pulang untuk membuat pemeriksaan.

“Bekalan elektrik itu hanya disambung ke rumah yang selamat diduduki namun suis utama akan dicabut dahulu sehinggalah pemilik pulang,” katanya.

Beliau berkata, Telekom Malaysia juga memaklumkan menjelang Jumaat ini, perkhidmatan Unifi di kawasan terbabit akan pulih sepenuhnya.